



Jawatankuasa Tetap  
Pemberdayaan Wanita dan Keluarga

# LAPORAN ANALISIS

PERBINCANGAN MEJA BULAT SIRI 1  
HAMIL LUAR NIKAH DAN ANAK TIDAK SAH TARAF:  
PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR, TATACARA DAN GARIS  
PANDUAN MAHKAMAH SYARIAH

20  
26



Disediakan oleh





## **PERBINCANGAN MEJA BULAT SIRI 1 | MAC 2026**

---

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SELANGOR**  
“HAMIL LUAR NIKAH DAN ANAK TIDAK SAH TARAF: PENAMBAHBAIKAN  
PROSEDUR, TATACARA DAN GARIS PANDUAN MAHKAMAH SYARIAH”

Laporan ini disediakan oleh Jabatan Strategi dan Dasar, Wanita Berdaya Selangor (WBS). Kami menghargai segala input dan maklum balas yang diberikan sepanjang sesi perbincangan meja bulat dijalankan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pemegang taruh yang hadir ke Perbincangan Meja Bulat yang terdiri daripada YB Puan Anfaal Saari, YB Tuan Dr. Fahmi Bin Ngah, wakil-wakil Pejabat EXCO, Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ahli Akademik dan Badan Pemikir, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Masyarakat Sivill dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkaitan

### **Mengenai WBS**

Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar dan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembangunan Kapasiti. WBS juga merupakan anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang WBS di [www.wbselangor.org.my](http://www.wbselangor.org.my) atau 03 – 5545 4879

Copyright © 2026 oleh

Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd.

Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L

Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Pendahuluan</b>	<b>.... 4 - 6</b>
<b>Ucapan Alu-Aluan</b>	<b>.... 7 - 8</b>
YB Puan Anfaal Binti Saari	
YB Tuan Dr Mohammad Fahmi Bin Ngah	
<b>Perbincangan Meja Bulat</b>	<b>.... 9 - 14</b>
<b>Cadangan Penambahbaikan dan Resolusi</b>	<b>.... 15 - 18</b>
<b>Lensa Perbincangan Meja Bulat</b>	<b>.... 19</b>

## PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan bagi mengumpul segala cadangan, sumbangsaran dan resolusi dalam satu dokumen untuk rujukan semua pihak berkepentingan, justeru satu perbincangan meja bulat (*Roundtable Discussion - RTD*) telah dilaksanakan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) pada 13 Mac 2026 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), Tingkat Bawah, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), 40503 Shah Alam.

Isu remaja hamil luar nikah dan anak tidak sah taraf merupakan satu cabaran sosial yang mempunyai implikasi langsung terhadap wanita dan kanak-kanak dari sudut kedudukan perundangan, kebajikan serta akses kepada hak asasi. Fenomena ini bukan bersifat terpencil dan memerlukan penelitian yang lebih mendalam dalam kerangka pelaksanaan undang-undang sedia ada.

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, seramai 16,951 remaja berusia 19 tahun ke bawah dan tidak berkahwin telah direkodkan hamil di fasiliti kerajaan antara tahun 2020 hingga 2024, dengan hampir separuh daripadanya terdiri daripada remaja Melayu.<sup>1</sup> Statistik ini menunjukkan bahawa kehamilan luar perkahwinan dalam kalangan remaja masih berlaku pada skala yang membimbangkan dan berpotensi memberi implikasi terhadap status perundangan anak yang dilahirkan.

Selain itu, data pentadbiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara merekodkan sebanyak 133,946 pendaftaran anak tidak sah taraf melibatkan warganegara antara tahun 2020 hingga 31 Oktober 2024.<sup>2</sup> Statistik ini menunjukkan bahawa isu status anak bukan sahaja berkaitan fenomena kehamilan luar nikah, malah melibatkan jumlah pendaftaran rasmi yang signifikan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Data ini mencerminkan dimensi pentadbiran dan dokumentasi yang perlu ditangani secara sistemik.

---

<sup>1</sup> <https://www.sinarharian.com.my/article/757446/berita/nasional/lebih-16000-remaja-hamil-luar-nikah-hampir-50-peratus-melayu---nancy>

<sup>2</sup> <https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/133946-pendaftaran-anak-tidak-sah-taraf-sejak-2020-x9ah854>

Bagi negeri Selangor, statistik menunjukkan trend kehamilan remaja luar nikah di Selangor kekal pada tahap yang membimbangkan, dengan 799 kes direkodkan pada tahun 2023 dan 555 kes sehingga September 2024.<sup>3</sup> Pecahan data mengikut kategori umur mendedahkan realiti yang lebih kompleks iaitu walaupun majoriti kes melibatkan remaja berusia 18 hingga 19 tahun (385 kes), penglibatan golongan lebih muda iaitu 15 hingga 17 tahun (157 kes) serta kanak-kanak seawal usia 10 hingga 14 tahun (13 kes) menunjukkan keperluan mendesak terhadap intervensi pendidikan seksualiti dan sokongan psikososial yang lebih menyeluruh. Data ini mencerminkan cabaran besar dalam menangani isu sosial di peringkat akar umbi bagi melindungi kesejahteraan generasi muda di negeri Selangor.

Dalam konteks perundangan Syariah di Negeri Selangor, kedudukan anak ditentukan berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, khususnya Seksyen 111 hingga Seksyen 120.<sup>4</sup> Seksyen-seksyen ini memperincikan prinsip penentuan nasab dan anggapan kesahatarafan anak yang lahir dalam perkahwinan sah, serta kedudukan anak yang tidak memenuhi syarat tersebut. Peruntukan ini memberi implikasi langsung terhadap hubungan perundangan antara anak dan bapa, termasuk dari sudut tanggungjawab nafkah dan hubungan kekeluargaan.

Walaupun prinsip hukum berkaitan nasab adalah jelas, cabaran pelaksanaan sering melibatkan aspek pentadbiran dan dokumentasi. Isu seperti perkahwinan tidak berdaftar dan pengesahan nikah yang lewat boleh memberi implikasi kepada proses pendaftaran kelahiran dan dokumentasi rasmi. Dalam keadaan tertentu, kekangan dokumentasi boleh menjejaskan akses kepada bantuan kerajaan, kemasukan ke institusi pengajian tinggi atau urusan rasmi yang memerlukan pengenalan diri yang lengkap.

---

<sup>3</sup> <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1157550/555-kanak-kanak-remaja-seawal-usia-10-hamil-luar-nikah-exco-wanita-dan>

<sup>4</sup> <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/10/ENAKMEN-UNDANG-UNDANG-KELUARGA-ISLAM-NEGERI-SELANGOR-2003.pdf>

Perbahasan di Parlimen pada 6 Mac 2024 turut menyentuh bahawa individu yang tidak mendapat kewarganegaraan berdepan isu akses kepada pendidikan dan rawatan kesihatan dengan kos yang lebih tinggi.<sup>5</sup> Tambahan pula, berdasarkan Hansard Dewan Negara bertarikh 3 Disember 2024, Kementerian Dalam Negeri merekodkan sebanyak 32,408 permohonan kewarganegaraan telah diputuskan antara 21 Disember 2022 hingga 27 November 2024, di mana 19,567 daripadanya adalah di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, melibatkan kategori seperti anak tidak sah taraf, anak angkat dan anak jagaan.<sup>6</sup> Statistik ini menunjukkan bahawa isu berkaitan status anak dan kewarganegaraan melibatkan jumlah permohonan yang signifikan di peringkat nasional.

Sehubungan itu, RTD ini diadakan sebagai platform perbincangan berfokus bersama pemegang taruh bagi meneliti jurang pelaksanaan sedia ada serta mengenal pasti pendekatan yang lebih berkesan dalam memastikan perlindungan kanak-kanak dan kesejahteraan wanita terus terpelihara dalam kerangka Undang-Undang Syariah Negeri Selangor.

### **OBJEKTIF PERBINCANGAN MEJA BULAT (RTD)**

1. Sebagai platform perbincangan bersama pemegang taruh bagi menilai cabaran pelaksanaan berkaitan isu hamil luar nikah dan kedudukan anak dalam situasi kelahiran di luar perkahwinan sah dalam kerangka Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor.
2. Mengetahui jurang antara peruntukan undang-undang dan realiti pentadbiran khususnya dalam aspek penentuan nasab dan dokumentasi.
3. Menilai kepentingan integrasi pendidikan kesihatan reproduktif yang komprehensif sebagai langkah pencegahan awal (*primer intervention*) dalam menangani trend kehamilan luar nikah serta melindungi kesejahteraan fizikal dan mental wanita dan remaja.
4. Mengumpul cadangan penambahbaikan dan intervensi bagi memastikan perlindungan kanak-kanak dan kesejahteraan wanita terus terpelihara

---

<sup>5</sup> <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06032024.pdf>

<sup>6</sup> <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-03122024.pdf>

## **UCAPAN ALU-ALUAN YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI**

Ucapan Alu-Aluan yang telah disampaikan oleh **YB Puan Anfaal Binti Saari**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga Negeri Selangor. Dalam ucapan pembukaan tersebut, beliau menekankan bahawa isu hamil luar nikah dan anak tidak sah taraf merupakan satu cabaran sosial yang semakin kompleks dan memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh serta bersepadu. Beliau memaklumkan bahawa berdasarkan dapatan semasa, kes kehamilan luar nikah tidak lagi tertumpu kepada golongan dewasa sahaja, malah semakin melibatkan golongan remaja pada usia yang sangat muda, termasuk dalam lingkungan 10 hingga 14 tahun. Perkara ini menunjukkan bahawa intervensi sedia ada masih belum mencukupi dalam menangani isu ini secara efektif, khususnya dari sudut pencegahan awal.

Dalam masa yang sama, beliau turut mengiktiraf pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam meningkatkan kesedaran masyarakat, termasuk melalui program advokasi dan kempen pencegahan. Walau bagaimanapun, beliau berpandangan bahawa pendekatan pendidikan kesihatan yang sedia ada masih terlalu tertumpu kepada aspek biologi semata-mata, tanpa memberi penekanan yang mencukupi terhadap dimensi sosial, emosi dan nilai dalam hubungan.

Sehubungan itu, beliau menegaskan keperluan untuk memperkukuh pendekatan pendidikan seksualiti secara lebih holistik, di samping memperluaskan intervensi psikososial bagi membantu individu yang terlibat membuat keputusan yang lebih bertanggungjawab. Beliau turut membangkitkan bahawa isu ini tidak hanya melibatkan golongan remaja, tetapi juga merangkumi kes dalam kalangan individu dewasa, termasuk situasi hidup bersekedudukan tanpa perkahwinan yang sah. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu ini perlu ditangani secara menyeluruh merentasi pelbagai kumpulan umur dan latar belakang sosial. Justeru, beliau menekankan bahawa penyelesaian kepada isu ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, institusi kehakiman, NGO serta komuniti, bagi memastikan pendekatan yang lebih komprehensif dan berimpak tinggi dapat dilaksanakan.

## **UCAPAN ALU-ALUAN YB TUAN DR. FAHMI BIN NGAH**

**YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Nгах**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor dalam ucapan alu-aluannya telah memberikan penekanan terhadap keperluan untuk menilai isu hamil luar nikah dan anak tidak sah taraf secara lebih berstruktur dan berasaskan data. Beliau menyatakan bahawa berdasarkan statistik dan dapatan semasa, isu ini boleh dikategorikan kepada dua dimensi utama, iaitu aspek pencegahan daripada berlakunya kes serta aspek pengurusan kes yang telah berlaku. Menurut beliau, walaupun terdapat petunjuk bahawa sesetengah kategori kes menunjukkan trend penurunan, namun terdapat juga peningkatan dalam kategori lain, sekali gus mencerminkan bahawa pendekatan sedia ada masih memerlukan penambahbaikan agar lebih berkesan dan bersasar.

Dari sudut pencegahan, beliau berpandangan bahawa kaedah dan intervensi yang digunapakai pada masa ini perlu dinilai semula bagi memastikan ia selari dengan perubahan sosial dan cabaran semasa, termasuk pengaruh teknologi dan perubahan norma masyarakat. Manakala dari sudut perundangan, beliau menjelaskan bahawa kerangka undang-undang sedia ada secara umumnya mencukupi untuk menangani kes-kes yang bersifat lazim atau “normal”. Namun begitu, bagi kes yang lebih kompleks seperti melibatkan anak tidak sah taraf dan isu pengesahan nasab, peruntukan sedia ada didapati masih belum mencukupi untuk menangani cabaran tersebut secara menyeluruh.

Sehubungan itu, beliau menzahirkan keterbukaan untuk meneliti penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang serta aspek pelaksanaan, khususnya dalam usaha mempermudah pengurusan kes tanpa mengabaikan keperluan untuk mencegah berlakunya kes pada masa hadapan. Beliau turut menegaskan bahawa keseimbangan antara pendekatan yang bersifat praktikal dan rasional adalah penting dalam merangka dasar yang lebih efektif, agar setiap intervensi yang dilaksanakan bukan sahaja mudah dilaksanakan, tetapi juga mampu memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat.

## **PERBINCANGAN MEJA BULAT**

Perbincangan dimulakan dengan membuka ruang kepada semua pemegang taruh untuk memberikan perkongsian mengenai kerja yang dijalankan di organisasi masing-masing. Terdapat beberapa perkongsian yang dapat disimpulkan melalui perbincangan meja bulat yang telah diadakan ini. Perbincangan telah mengenal pasti beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian segera, merangkumi dimensi perundangan, sosial, institusi dan sistem sokongan. Antara intipati perbincangan adalah seperti berikut;

### **Keterbatasan Kerangka Perundangan dan Sistem Keadilan**

Perbincangan mendapati bahawa walaupun peruntukan undang-undang sedia ada mencukupi untuk menangani kes-kes lazim, namun ia masih belum mampu mengurus kes yang lebih kompleks dan bersifat luar jangka. Antara isu utama yang dibangkitkan adalah berkaitan kes anak tidak sah taraf dan pengesahan nasab, di mana terdapat kekangan dari segi peruntukan undang-undang serta pelaksanaannya.

Dalam banyak situasi, pihak kehakiman berdepan kesukaran untuk menentukan status paterniti kerana tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan ujian DNA, di samping kos ujian yang tinggi. Keadaan ini secara langsung menjejaskan keupayaan sistem untuk memastikan keadilan kepada wanita dan kanak-kanak, khususnya dalam kes di mana lelaki yang terlibat menafikan tanggungjawab. Situasi ini menunjukkan wujudnya jurang dalam sistem perundangan yang menyebabkan pihak lelaki berpotensi untuk mengelakkan tanggungjawab tanpa implikasi yang setimpal.

Selain itu, terdapat juga perbincangan berkaitan keperluan untuk menilai semula pendekatan terhadap kes-kes yang diluar jangkaan. Ini termasuk kes melibatkan hubungan tanpa perkahwinan, perkahwinan tidak berdaftar serta kes rentas negara yang tidak selaras dengan kerangka perundangan sedia ada.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa sistem perundangan perlu diperkukuh agar lebih relevan dengan realiti sosial semasa, bagi mengelakkan berlakunya jurang keadilan dalam kalangan golongan rentan.

### **Kelemahan Tadbir Urus dan Penyelarasan Antara Agensi**

Isu kritikal yang dibangkitkan adalah berkaitan kelemahan dalam penyelarasan antara agensi, khususnya melibatkan peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Perbincangan mendapati bahawa pada masa ini, tidak terdapat keperluan mandatori bagi pihak KKM untuk melaporkan kes kepada JAIS, menyebabkan tindakan penguatkuasaan hanya berlaku apabila terdapat aduan. Keadaan ini mewujudkan jurang dalam sistem pengesanan awal kes, sekali gus menghadkan keberkesanan intervensi.

Dalam masa yang sama, terdapat cadangan supaya pendekatan rujukan kes disusun semula, di mana kes yang melibatkan kanak-kanak seharusnya dirujuk terlebih dahulu kepada JKM bagi tujuan perlindungan dan intervensi yang sesuai mengikut keperluan kanak-kanak, sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil oleh agensi agama.

Dapatan ini menunjukkan bahawa ketiadaan sistem rujukan bersepadu dan jelas telah mewujudkan pertindihan peranan serta ketidakcekapan dalam pengurusan kes. Oleh itu, pengukuhan mekanisme penyelarasan antara agensi adalah kritikal bagi memastikan pendekatan yang lebih sistematik, konsisten dan berfokus kepada Kebajikan

### **Keterbatasan Sistem Nafkah dan Sokongan Guaman**

Perkongsian daripada wakil organisasi masyarakat sivil turut memberikan gambaran jelas terhadap realiti kes di lapangan. Sebagai contoh, SIS Forum Malaysia melalui platform Telenisa telah menerima kes berkaitan anak tidak sah taraf secara konsisten setiap tahun, dengan 47 kes direkodkan pada tahun 2016 dan 38 kes pada tahun 2019. Walaupun jumlah ini dilihat kecil secara relatif, ia mencerminkan kewujudan

permintaan berterusan terhadap khidmat nasihat guaman, khususnya berkaitan isu kegagalan pemberian nafkah, konflik hak penjagaan anak serta kekangan dalam proses pendaftaran kelahiran akibat dokumentasi yang tidak lengkap. Dalam masa yang sama, organisasi tersebut turut memaklumkan bahawa kapasiti mereka adalah terhad kepada pemberian nasihat dan tidak mempunyai kuasa untuk menyalurkan kes kepada pihak berkuasa, sekali gus menunjukkan wujudnya jurang dalam sistem rujukan dan sokongan kepada individu terjejas.

### **Isu Pendaftaran Anak dan Risiko Eksklusi Sosial**

Isu pendaftaran anak telah dikenal pasti sebagai antara cabaran paling signifikan yang memberi implikasi langsung kepada kesejahteraan kanak-kanak. Proses pendaftaran yang melibatkan keperluan dokumentasi seperti perintah mahkamah serta pembayaran penalti telah menyukarkan ibu untuk mendaftarkan anak mereka secara sah. Dalam situasi tertentu, kelewatan dalam pendaftaran perkahwinan turut menyebabkan sijil nikah berada dalam status tertangguh, sekali gus menjejaskan proses pendaftaran kelahiran anak. Implikasi daripada keadaan ini adalah besar, di mana kanak-kanak berdepan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada pendidikan, termasuk kemasukan ke institusi pendidikan formal. Selain itu, ketiadaan dokumen rasmi juga menjejaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kebajikan. Dalam konteks ini, isu pendaftaran anak bukan sekadar isu teknikal atau pentadbiran, tetapi merupakan isu keadilan sosial yang mempunyai kesan jangka panjang terhadap pembangunan modal insan dan kesejahteraan masyarakat.

### **Kelemahan Mekanisme Nafkah dan Tanggungjawab Bapa**

Perbincangan turut menekankan isu kegagalan bapa dalam menunaikan tanggungjawab nafkah sebagai satu cabaran yang berulang dan sistemik. Dalam kebanyakan kes, lelaki yang menyebabkan kehamilan tidak dikenakan tindakan yang setimpal atau berjaya mengelakkan tanggungjawab, terutamanya apabila status paterniti tidak dapat dibuktikan secara sah. Keadaan ini menyebabkan beban kewangan dan tanggungjawab penjagaan anak ditanggung sepenuhnya oleh ibu, sekali gus meningkatkan tekanan ekonomi dan sosial. Situasi ini menunjukkan ketidakseimbangan dalam sistem penguatkuasaan yang perlu ditangani secara

serius, termasuk melalui penambahbaikan mekanisme perundangan dan penguatkuasaan bagi memastikan keadilan kepada semua pihak.

### **Pendekatan Terhadap Kanak-Kanak Sebagai Mangsa**

Perbincangan secara konsisten menekankan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam kes amil luar nikah ini tidak seharusnya dilihat sebagai pelaku, tetapi sebagai mangsa kepada pelbagai bentuk eksploitasi, termasuk rogol statutori dan penyantunan seksual (*sexual grooming*). Sehubungan itu, pendekatan berasaskan hukuman dilihat tidak sesuai, khususnya bagi kes melibatkan individu di bawah umur. Sebaliknya, pendekatan berasaskan perlindungan, pemulihan dan sokongan psikososial perlu diberi keutamaan. Dalam masa yang sama, terdapat cadangan untuk mengasingkan kategori kes antara bawah umur dan dewasa bagi memastikan pendekatan intervensi yang lebih bersasar dan efektif. Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak serta amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

### **Cabaran Dalam Pelaksanaan Program Pemulihan dan Rumah Perlindungan**

Walaupun terdapat kemudahan seperti rumah perlindungan yang berfungsi sebagai alternatif kepada hukuman, dapatan menunjukkan bahawa kadar penerimaan adalah sangat rendah. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun permintaan terhadap bantuan adalah tinggi, kadar penerimaan terhadap intervensi formal masih rendah. Sebagai contoh, menurut wakil Rumah Perlindungan Wanita Bayt Al-Rahmah daripada kira-kira 200 panggilan kes yang diterima oleh pusat perlindungan, hanya satu kes yang bersetuju untuk ditempatkan. Keadaan ini menunjukkan bahawa wujudnya halangan dari segi stigma sosial, ketakutan terhadap implikasi undang-undang serta kekurangan kepercayaan terhadap institusi. Selain itu, terdapat juga cabaran apabila individu yang telah menjalani program pemulihan masih perlu berhadapan dengan tindakan undang-undang selepas keluar daripada pusat perlindungan. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk menilai semula keberkesanan model pemulihan sedia ada agar lebih mesra pengguna, inklusif dan berorientasikan pemulihan jangka panjang.

## **Ancaman Dunia Digital**

Perkembangan teknologi digital dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kes, terutama dalam kalangan remaja. Akses kepada internet tanpa kawalan, penggunaan telefon pintar pada usia muda serta pendedahan kepada kandungan lucah melalui pelbagai platform telah meningkatkan risiko tingkah laku seksual. Menurut Inspektor Razi Jaafar daripada Ibu Pejabat Polis (IPK) Selangor Sebanyak 54 kes direkodkan di Selangor pada tahun 2025 berkaitan aktiviti seksual melibatkan kanak-kanak. Sebahagian besarnya dikaitkan dengan penggunaan internet tanpa kawalan serta pendedahan kepada kandungan tidak bermoral melalui platform digital. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor teknologi telah menjadi pemangkin utama kepada peningkatan risiko sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, kes berkaitan penyantunan seksual (*sexual grooming*) menunjukkan peningkatan yang membimbangkan, yang memerlukan intervensi segera dari segi pendidikan, pemantauan serta penglibatan ibu bapa dan komuniti.

## **Kelemahan Pendekatan Pendidikan, Pemulihan dan Pencegahan**

Perbincangan mendapati bahawa pendekatan pendidikan seksualiti sedia ada masih belum mencukupi untuk menangani isu ini secara efektif. Kandungan pendidikan yang terlalu tertumpu kepada aspek biologi tanpa penekanan kepada aspek emosi, sosial dan nilai telah menghadkan keberkesanan dalam membentuk pemahaman yang holistik dalam kalangan remaja. Selain itu, penerimaan terhadap modul pendidikan seksualiti di peringkat sekolah juga masih menjadi cabaran, walaupun terdapat pelbagai inisiatif yang telah dibangunkan oleh NGO dan agensi berkaitan.

Perbincangan turut menekankan bahawa pendidikan seksualiti perlu dilaksanakan secara berperingkat dan holistik, bermula dengan pembangunan emosi, diikuti dengan pemahaman sosial dan nilai, sebelum diperluaskan kepada aspek seksualiti secara menyeluruh. Pendekatan ini dilihat lebih efektif dalam membentuk keupayaan individu untuk membuat keputusan yang bertanggungjawab. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk memperkukuh pendekatan pendidikan seksualiti secara komprehensif dan berperingkat, selaras dengan realiti semasa dan keperluan generasi muda.

Dalam membincangkan pendekatan pemulihan dan pencegahan, Profesor Datuk Dr. Harlina Halizah Siraj turut mengemukakan satu kerangka penting dalam memahami realiti kehamilan luar nikah, iaitu empat kemungkinan utama yang lazim dihadapi oleh individu terlibat, dikenali sebagai pendekatan “4A”, iaitu *abortion* (pengguguran), *accept* (menerima dan membesarkan anak), *adopt* (penyerahan anak untuk diangkat sebagai anak angkat) dan *abandon* (pengabaian). Kerangka ini menunjukkan bahawa setiap keputusan yang diambil mempunyai implikasi sosial, emosi dan perundangan yang signifikan, sekali gus menuntut keperluan dasar yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Dalam konteks ini, pendekatan pencegahan tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek moral atau penguatkuasaan, tetapi perlu mengambil kira realiti pilihan yang dihadapi oleh individu serta menyediakan sokongan yang sesuai bagi setiap situasi.

### **Isu Perkahwinan Rentas Negara dan Status Tanpa Kewarganegaraan**

Perbincangan turut membangkitkan cabaran yang dihadapi oleh pasangan yang berkahwin dengan warganegara asing, termasuk kesukaran dalam mendapatkan kebenaran berkahwin, pengesahan status serta pendaftaran perkahwinan. Dalam beberapa kes, pasangan yang telah berkahwin di luar negara dan mempunyai anak perlu mendaftarkan semula perkahwinan apabila kembali ke Malaysia kerana perkahwinan tersebut tidak diiktiraf dari segi undang-undang. Selain itu, isu pasangan tanpa dokumen rasmi (*stateless*) turut menimbulkan cabaran dalam pengiktirafan perkahwinan dan pendaftaran anak. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada garis panduan yang lebih jelas dan fleksibel bagi menangani kes rentas negara secara lebih efektif.

### **Keperluan Pendekatan Dasar Yang Lebih Holistik**

Secara keseluruhannya, isu ini tidak dapat ditangani secara sektoral atau berasingan, sebaliknya memerlukan pendekatan bersepadu merangkumi aspek perundangan, sosial, pendidikan dan kebajikan. Ini termasuk keperluan untuk mengimbangi antara aspek penguatkuasaan dan pencegahan, serta memastikan bahawa setiap intervensi yang dilaksanakan mengambil kira realiti semasa dan kepentingan terbaik golongan rentan.

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN RESOLUSI**

Berdasarkan dapatan perbincangan yang telah dijalankan, beberapa resolusi utama telah dirumuskan sebagai asas kepada penambahbaikan dasar dan pelaksanaan intervensi yang lebih berkesan. Resolusi ini memberi penekanan kepada keperluan perubahan pendekatan secara menyeluruh, meliputi aspek perundangan, pentadbiran, penyelarasan antara agensi serta pencegahan sosial.

### **1. Peralihan Pendekatan: Daripada Hukuman (Punitif) kepada Perlindungan dan Intervensi**

Perbincangan telah mencapai kesepakatan bahawa pendekatan pelaksanaan sedia ada yang terlalu berorientasikan hukuman perlu ditransformasikan kepada pendekatan yang lebih menekankan perlindungan dan intervensi awal. Peralihan ini adalah kritikal, khususnya bagi kes yang melibatkan kanak-kanak bawah umur yang berisiko menjadi mangsa eksploitasi, penderaan atau pengaruh sosial yang negatif.

Dalam konteks ini, keutamaan perlu diberikan kepada pembangunan sistem rujukan bersepadu yang jelas dan efektif antara agensi utama seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi agama. Sistem ini perlu memastikan bahawa intervensi psikososial dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil, bagi mengelakkan kesan trauma berulang kepada mangsa.

Selain itu, pendekatan pendakwaan bagi kes melibatkan kanak-kanak perlu dinilai semula dengan mengambil kira kerangka kebajikan kanak-kanak, khususnya dalam kes seperti rogol statutori dan penyantunan seksual (*sexual grooming*). Dalam masa yang sama, mekanisme hukuman alternatif perlu diperkukuh melalui penyediaan ruang pemulihan seperti penempatan di rumah perlindungan serta pelaksanaan program intervensi berstruktur yang berfungsi sebagai medium pendidikan dan pencegahan.

Bagi memastikan keberkesanan pendekatan ini, pengasingan kategori kes antara individu bawah umur dan dewasa juga perlu dilaksanakan secara jelas, agar intervensi yang dirangka lebih bersasar dan sesuai dengan keperluan kumpulan sasaran.

## **2. Penambahbaikan Prosedur Perkahwinan, Dokumentasi dan Status Anak**

Resolusi turut menekankan keperluan untuk menambah baik prosedur pentadbiran yang berkaitan dengan perkahwinan, pengesahan nikah serta pendaftaran kelahiran, bagi memastikan kebajikan dan status perundangan kanak-kanak tidak terjejas akibat kekangan birokrasi.

Dalam hal ini, penambahbaikan terhadap prosedur pendaftaran perkahwinan dan pengesahan nikah adalah penting, termasuk usaha untuk mempercepatkan proses bagi kes yang tidak melibatkan isu kompleks seperti poligami. Penyelarasan pelaksanaan undang-undang juga perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kelewatan dalam pengeluaran sijil nikah, tanpa mengabaikan keperluan pematuhan terhadap peruntukan sedia ada.

Di samping itu, proses pendaftaran kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) perlu dinilai semula, khususnya dari segi keperluan perintah mahkamah dan penalti kewangan yang berpotensi membebankan ibu. Penambahbaikan ini penting bagi memastikan akses kepada hak asas kanak-kanak tidak terhalang akibat prosedur yang terlalu rigid. Bagi menyokong keberkesanan pelaksanaan, integrasi data antara Mahkamah Syariah, JPN dan agensi berkaitan juga perlu diperkukuh bagi memudahkan pengurusan kes serta meningkatkan kecekapan dalam perancangan dasar.

## **3. Pengukuhan Penyelarasan Agensi dan Sistem Sokongan Rentas Agensi**

Perbincangan turut menekankan bahawa pengukuhan penyelarasan antara agensi merupakan elemen kritikal dalam memastikan keberkesanan pengurusan kes serta penyampaian perkhidmatan sokongan kepada individu terjejas. Sehubungan itu, kerjasama antara agensi utama seperti Mahkamah

Syariah, JAIS, JPN, JKM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta organisasi bukan kerajaan (NGO) perlu diperkukuh melalui pendekatan yang lebih bersepadu dan sistematik.

Dalam masa yang sama, mekanisme rujukan rentas agensi yang sistemik dan berstruktur perlu diwujudkan, khususnya bagi kes melibatkan anak yang lahir luar nikah, bagi memastikan setiap kes diurus secara holistik dan tidak terperangkap dalam kekangan birokrasi antara agensi.

Selain itu, peranan institusi kebajikan seperti Baitulmal perlu diperluaskan dalam menyediakan sokongan kewangan kepada ibu yang tidak berkemampuan, bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak terus terpelihara tanpa mengira latar belakang status perundangan.

#### **4. Pemerkasaan Pendidikan dan Pendekatan Pencegahan Sosial**

Resolusi juga memberi penekanan kepada kepentingan memperkukuh pendekatan pencegahan sebagai strategi jangka panjang dalam menangani isu kehamilan luar nikah dan implikasi sosial yang berkaitan. Dalam konteks ini, pelaksanaan pendidikan seksualiti komprehensif di sekolah-sekolah secara berperingkat perlu diberi keutamaan yang merangkumi aspek emosi, sosial, nilai serta kesihatan reproduktif. Pendekatan ini penting bagi memastikan generasi muda bukan sahaja memahami aspek biologi, tetapi juga mempunyai keupayaan membuat keputusan yang bertanggungjawab dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, kandungan modul sedia ada yang terlalu tertumpu kepada aspek biologi perlu ditambah baik agar lebih holistik dan selari dengan realiti semasa, termasuk mengambil kira pengaruh media digital dan perubahan norma sosial. Kesedaran terhadap risiko penyantunan seksual (*sexual grooming*) dan pengaruh digital juga perlu dipertingkatkan melalui pendekatan pendidikan dan advokasi yang lebih agresif, khususnya dalam kalangan remaja.

Pelaksanaan program pencegahan di peringkat komuniti perlu diperkukuh melalui penglibatan aktif NGO dan sukarelawan, yang mempunyai akses langsung kepada masyarakat akar umbi. Selain itu, penyertaan lelaki dalam program pendidikan dan pemerksaan juga perlu dipertingkatkan sebagai komponen penting dalam memastikan pendekatan pencegahan yang lebih inklusif dan berkesan.

# LENSA PERBINCANGAN MEJA BULAT





**JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,  
KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (*CARE ECONOMY*)  
NEGERI SELANGOR**

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



**WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.**  
Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



Imbas untuk ke laman sesawang